

haruman Asam Pedas menusuk ke rongga hidungku. Campuran aroma daun kesum dan bunga kantan yang dipetik di belakang rumah benar-benar membuka selera. Kelazatan Asam Pedas Teratai dan Ikan Sepat goreng kunyit membuatkan aku teringat-ingat sehingga kini. Barulah kutahu teksturnya batang keladi yang dimasak dengan menu yang sama adalah lebih rangup. Bertambah-tambah nasi di pinggan.

“Wah... Ibu pandai lepaskan mulut ikan dari mata kail. Dari mana ibu belajar?” Soalan Iddin membuatkan aku

mematikan lamunanku pada kenangan 20 tahun lalu.

“Sekejap lagi, ibu akan kenalkan Iddin dengan guru yang mengajar ibu memancing ikan.” Kataku sambil memandang sekilas ke arah Amru di sisi. Amru tersenyum. Dua lagi anakku yang lain pula teruja mencuba mengayuh basikal tua di tengah laluan atas bendang. Berbaloi rasanya bercuti di tempat sebegini. Seketika kemudian, ada sebuah kereta berhenti di hadapan rumah inap desa kami.

Dari jauh kelihatan seorang wanita melambai-lambai ke arah kami sambil membawa mangkuk tingkat dan beberapa bungkusan lain. Aku segera menyeberangi kolam dengan menggunakan titi kayu yang ada. Kami berpelukan.

“Ya Allah rindunya aku pada kau Mun.” Kataku sambil tidak melepaskan pelukan. Amru dan Iddin tidak lepas memandangi kami.

“Aku pun rindu sangat pada kau. Sudah 20 tahun tak berjumpa.” Balas Mun. Beberapa ketika Mun menyambung lagi.

“Ini aku bawa masakan kegemaran kau. Tapi bukan lemak yang masak tau. Kali ini air tangan aku pula.” Kata Mun girang.

“Asam Pedas Teratai!” Aku menjerit teruja. Itulah janjinya ketika kami mula berhubung antara satu sama lain, semalam.

Tidakku sangka, asalnya aku hanya membuat carian secara rawak di atas talian sebelum mata tertancap pada laman sesawang rumah inap desa di atas kolam ikan di Jitra, Kedah. Ketika itu ingatanaku tentang pengalaman berada di kampung Mun sangat kuat. Aku terus menghubungi talian telefon yang tertera. Kebetulan pula nama pemiliknya adalah ‘Munazah’. Sama seperti nama Mun. Tidakku sangka puan Munazah yang kuhubungi adalah Mun, sahabat baikku ketika di kampus dahulu.

“Kau betul-betul kreatif Mun. Terfikir pula nak buat rumah inap desa di atas kolam dengan pakej pengalaman percutian ala kampung. Siap ada basikal tua, joran buluh, ada pohon mangga, rambutan, ayam,

kambing.” Kataku sambil melihat sekeliling. Mun tersenyum.

“Kalau kau nak tahu, semua ini takkan terjadi jika bukan kau penyebabnya”. Balas Mun. Aku terpana.

“Aku? Kita dah 20 tahun tak jumpa.”

“Selepas tamat pengajian, aku tak tahu bagaimana nak cari kau. Maklumlah ketika itu tiada media sosial seperti sekarang. Lagipun aku tidak ke mana-mana selepas itu kerana menjaga emak yang strok. Pa’ie pula, aku paksa sambung belajar walaupun dia tak mahu pada awalnya. Pada ketika itu, aku buat kerja sambil sebagai penterjemah yang boleh bekerja dari rumah. Dapatlah tampung perbelanjaan rumah.” Kata Mun menceritakan kisah.

“Habis tu, ni idea rumah inap desa ni? Bagaimana tercetus?” Terlalu banyak soalan yang hendakku ajukan pada Mun sebenarnya.

“Selepas Pa’ie bekerja di Paka sebagai Jurutera Elektrik, dia dah tak benarkan ayah bekerja di sawah lagi. Tanah sawah tu Pak Ngah aku yang beli dan usahakan secara koperasi. Hasil jualan, aku buat modal beli rumah ini yang kebetulan pemiliknya terdesak menjualnya dengan harga murah. Aku terkenangkan kau yang gemar sungguh dengan aktiviti kampung masa ke sini dulu.” Cerita Mun panjang lebar.

“Oh, jadi, sebabkan teringatkan aku, kau dapat inspirasi untuk beli dan buat konsep penginapan ala kampung inilah ya?” Aku menyambung.

“Ya. Sebelum kau datang ke rumah dulu, kami tak pernah menerima tetamu luar lain. Segan nak bawa. Rumah tak sempurna.” Kata Mun lagi. Aku diam terharu. Dada mula terasa sebak mengenangkan diri ini dijadikan inspirasi.

“Mun. Terima kasih banyak. Selama hari ini, betapa kau lah yang aku jadikan inspirasi kerana kebijaksanaan, ketekunan, ketabahan dan kematangan kau.” Mun tertunduk.

“Buat apalah aku kau jadikan inspirasi? Lihatlah diri kau. Kerjaya hebat dan keluarga bahagia. Sempurna sangat dah. Aku masih begini. Bujang pula tu!” Katanya ketawa. Aku terus memeluk Mun. Kau lebih dari berjaya. Kau pengusaha destinasi pelancongan alaf baharu. Pelanggan kau bukan sahaja pelancong tempatan, tetapi pelancong antarabangsa dari pelbagai negara. Kau santuni mereka dengan kefasihan pelbagai bahasa yang kau kuasai. Kau kata kau masih sendiri di usia begini. Tetapi itu kerana kau memilih berkorban membahagiakan ibu bapa uzur dan adik-adik hingga berjaya. Kau simbol kekuatan dan kegigihan. Hebat kau Mun!

“Iddin. Inilah guru memancing ibu!” Kataku dengan penuh rasa bangga.☺

ASAM PEDAS TERATAI BUAT TAMU DESA PERMAI

"Ibu, ayah! Tengok, adik dapat ikan!" Jerit Iddin yang melompat-lompat kegembiraan dari hujung kolam. Aku dan suamiku, Amru yang sedang duduk bersantai di beranda rumah tersentak mendengar jeritan itu. Kami memandang ke arah Iddin yang melompat kegembiraan.

"**W**ah, pandai pula si Iddin memancing ikan kan bang." Ucapku. Iddin berlari-lari membawa joran buluh yang di hujungnya terdapat ikan sepat sebesar telapak tangan yang masih tersangkut pada mata kail. Inilah pertama kali anak bongsunya itu merasai pengalaman memancing menggunakan joran buluh. Sengaja mereka sekeluarga menyewa Rumah Inap Desa Permai yang dibina di atas sebuah kolam buatan untuk memberikan pengalaman berbeza buat anak-anaknya.

"Ibu, tolong adik. Adik tak pandai lepaskan ikan ini." Kata Iddin yang masih teruja dengan pengalamannya itu.

"Mari ibu bantu." Balasku sambil berhati-hati melepaskan mata kail yang tersangkut pada mulut ikan Sepat.

"Ibu, apa nama ikan ni? Boleh makan ke?" Soal Iddin sambil tekun memerhatikan ibunya yang sedikit pun tidak berasa canggung dengan tugas itu. Amru sekadar memerhatikan isterinya melayan kerenah si bongsu. Amru sendiri tidak biasa dengan joran dan mata kail.

"Ini namanya ikan Sepat. Bukan senang nak pancing ikan ni tau" balasku.

"Kecil dan kurus sangat ikan Iddin ni. Kalau masak, makan pun tak kenyang" Tambah Amru cuba berseloroh. Saat itu bagai sebuah dejavu, wajah Mun kembali menjelma dalam ruang ingatan.

"**M**un! Kenapa tiap kali aku nak ikut kau balik kampung, kau mesti kata tak payah?" Tanyaku ketika sama-sama mengemas bilik menjelang cuti semester. Bilik kediaman di blok asrama mesti dikosongkan setiap kali cuti semester yang panjang. Soalanku itu pada awalnya tidak diendahkan oleh Mun. Dia terus sahaja melipat pakaiannya ke dalam beg. Dia mengerling sekilas ke arahku lalu bersuara;

"Sebab jauh." Balasnya sambil menutup beg pakaiannya yang selesai dikemas.

"Kali ini boleh la ye ... Aku tak pernah ke utara. Boleh la Mun ... Boleh la." Aku merayu seperti anak-anak kecil. Mun sebaya denganku. Aku suka berkawan dengannya kerana banyak perkara menarik tentang Mun. Mun matang, penyayang, sangat mengambil berat dan paling aku kagumi, dia pelajar yang bijak dan mempunyai kemahiran ikhtiar hidup yang sangat tinggi. Tetapi dia sangat bersederhana dalam segala perkara. Meskipun bijak, dia tidak pernah menunjuk. Dia sering mengeluarkan kata-kata bahawa dia hanya 'orang kampung'. Seperkara lagi, kemahiran berbahasa Inggerisnya juga sangat tinggi jika hendak dibandingkan dengan status 'orang kampung' yang sentiasa disebutnya. Kebetulan pula bidang pengajiannya adalah Kesusasteraan Inggeris. Apabila ditanya mengapakah tidak mengambil sahaja bidang Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL)? Mun menjawab;

"Aku tak boleh jadi guru. Nanti dihantar mengajar ke luar daerah, jauh pula dari keluarga." Aku hairan dengan kata-katanya. Bagiku, kata-katanya itu langsung tidak menggambarkan sifatnya yang sangat berdikari. Perkara itu juga membuatkan aku sangat teruja hendak mengikutinya



pulang ke kampung. Teringin sekali berkenalan dengan keluarganya. Satu hal mengenai Mun, dia tidak pernah menelefon keluarganya, tetapi dia begitu kerap menulis surat dan kerap juga aku melihat dia menerima surat dari kampung. Dia anak sulung dari enam orang adik-beradik. Katanya, setiap surat yang diterima, datang dari adik yang berlainan. Sebab itu nampak banyak dan kerap. Hubungan mereka sangat rapat antara satu sama lain. Mun akan membalas setiap surat yang diterima daripada adik-beradiknya. Aku suka melihat hubungan mereka adik beradik kerana aku sendiri pun tidak seakrab begitu dengan adik-beradikku.

"Betul kau nak ikut aku balik kampung?" Soalnya lagi. Aku tersenyum kerana terlihat peluang yang ditunggu-tunggu selama ini.

"Pasti! Aku nak jumpa mak ayah kau, nak kenal dengan Pa'ie, Audah, Achid, Aman dan Piya" Aku menyenaraikan nama kesemua adik-adiknya yang sering kali meniti di bibirnya.

"Tapi..." Mun teragak-agak menyambung kata.

"Dah ajak jangan ada tapi ... tapi ... lagi" Balasku memberi amaran.

"Rumah aku rumah kampung je. Bimbang kau tak selesa." Sambunginya.

"Aku suka!" Aku terus memotong cakapnya lalu berkemas. Sengaja tidak mahu menoleh ke arah Mun bimbang dia berubah fikiran.

Kami turun di sebuah hentian bas kecil di pinggir jalan besar laluan Jitra-Alor Setar. Di situ aku tidak nampak seperti ada perkampungan. Hanya pemandangan padi yang menghijau.

"Kita tunggu sini sekejap ya" Kata Mun. Aku sekadar mengangguk. Lebih kurang 30 minit menunggu, akhirnya sebuah lori pikap kecil bewarna putih berhenti di hadapan kami. Lori tersebut penuh dengan barangan besi, kotak, selain terdapat sebuah tangga panjang terjulur melepasi bumbung. Mun tersenyum.

"Ha. Dah sampai pun." Ujarnya. Pemandu lori pikap berlari turun dari kenderaan itu lantas bersalaman dengan Mun. Kurus tinggi orangnya. Dilihatkan masih remaja lagi.

"Maaf kak Long, lama menunggu." kata remaja tersebut.

"Tak apa. Dah tahu dah Pa'ie kerja." Balas Mun. 'Oh, inilah si Pa'ie agaknya' bisikku dalam hati. Remaja tersebut memandangku sambil tersenyum.

"Naili, inilah Pa'ie. Adik nombor dua!" Kata Mun memperkenalkan Pa'ie.

"Assalamualaikum kak. Jemput naik. Lori buruk ja." Pelawa Pa'ie dengan loghat Kedah. Aku membalas ucapan salamnya. Tanpa berlengah Pa'ie terus mengangkat beg kami lalu diletakkan di bahagian belakang lori pikap.

Sepanjang perjalanan menghala ke rumah Mun, banyak perkara bermain di fikiran. Semuanya tertumpu pada Mun dan kehidupannya sekeluarga. Lama juga kami di dalam lori pikap Pa'ie. Dari jalan berturap, masuk pula ke jalan tidak berturap yang kiri kanannya adalah tali air. Jalan tersebut muat untuk sebuah kereta sahaja. Kalau berselisih dengan kereta lain, pasti mencabar. Tetapi sejujurnya aku seronok. Pemandangan cantik sekeliling membuatkan aku terlupa seketika tentang Mun yang sedang rancak berborak dengan adiknya.

Kelihatan sebidang tanah seperti sebuah kepulauan di tengah-tengah lautan sawah. Terdapat sebuah rumah di situ. 'Adakah di situ letaknya rumah Mun?' bisikku dalam hati.

Setiba di halaman rumahnya, kami disambut meriah oleh ahli keluarga Mun. Emak, ayah dan adik-beradiknya datang mengelilingi kami, malah bersalaman. Aku terharu dengan layanan mereka. Setelah mempersilakan masuk, aku dicuit oleh Mun.

"Naili, inilah rumah aku. Kecil sahaja. Tak ada bilik tau, kau boleh tidur pakai tirai kan?" soal Mun sambil meletakkan beg pakaian kami di suatu sudut ruang rumahnya.

"Eh, aku ok lah. Macamlah tak biasa," balasku tersenyum.

"Lagi satu, nak beritahu kau, selama ini bukan aku tak nak bawa datang ke rumah, cuma beginilah keadaan rumah aku. Lagi satu...hmm" Mun seakan hendak memberitahu sesuatu. Aku terus sahaja memegang bahunya.

"Mun, kita berkawan dah lama kan? Kau tahu aku jenis tak kisah semua tu" Aku meyakinkannya. Mun mengangguk. Ya, dia kenal betul diri aku. Sudah empat tahun kami bersama-sama, sejak di Matrikulasi lagi.

"Keluarga kami jarang jumpa ikan laut dan makanan laut yang lain. Kami makan ikan air tawar yang ada di tali air. Dapat itu pun dah kira istimewa sangatlah. Ulan-Ulaman pun apa yang ada di sekeliling rumah. Kau tak apa kan?" Soalannya membuatkan aku terharu.

"Mun, aku datang sebab nak tengok kampung kau dan nak jumpa keluarga kau. Bukan hendak makan." Mun mengukir senyuman. Petang itu aku dibawa berjalan-jalan menuju ke kawasan sekitar rumah. Uniknyanya kedudukan rumah Mun adalah kerana terletak di tengah-tengah sawah. Tiada jiran lain di 'kepulauan' ini. Jika ada pun, nun sayup mata memandang.

"Mun, aku kagum betul dengan kau. Bagaimana kau boleh fasih berbahasa Inggeris? Hampir tiada cacat cela jika kau bercakap dan menulis. Seolah-olah dibesarkan di United Kingdom!" Kataku berseloroh. Namun jauh di sudut hatiku, memang itulah yang ingin kuluahkan dari dulu.

"Tak ada rahsia apa. Aku cuma rajin tonton siri kartun di tv sahaja." Balasnya sambil menarik daun kangkung

dan sejenis tumbuhan air yang tidak kuketahui namanya.
"Hah? Menonton siri kartun?" Soalku kehairanan. Aneh bunyinya. Tapi aku tahu dia jujur.

"Ya. Dari situlah aku belajar sebutan bahasa Inggeris yang betul. Selebihnya aku pinjam buku di perpustakaan sekolah. Itu sajalah yang aku mampu." Jawapan Mun membuatkanku terkesima. Unik betul si Mun ni. Fikirku di dalam hati.

"Malam ini menu kita sayur kangkung dan paku rawan goreng cili. Kau kena rasa masakan kampung. Ha ... Nak ikut sangat kan?" Kata Mun mengusikku. Barulah aku tahu, nama tumbuhan air yang dikutip Mun tadi adalah paku rawan.

Malam itu, aku merasai pengalaman makan bersama-sama ahli keluarga Mun. Makanannya ringkas sahaja, nasi putih, kangkung rebus dicicah bersama sambal belacan, sayur paku rawan goreng cili, telur dadar dan ikan sepat pekasam. Berkali-kali emak Mun meminta maaf kerana hidangan lauk yang sangat sederhana. Aku juga berkali-kali menyatakan "tidak apa". Lauk begitu jika dimakan beramai-ramai terasa sedap sekali. Apatah lagi jika dimasak menggunakan dapur kayu. Aroma salainya menerjah deria rasa. Malam itu agak susah aku melelapkan mata. Bukan kerana tidak selesa, tetapi fikiran aku menerawang jauh memikirkan keluarga Mun. Aku sempat menjeling kotak televisyen seperti yang diceritakan oleh Mun petang tadi. Sebuah televisyen lama dan bersaiz kecil. Kualiti gambarnya juga tidaklah begitu baik. Tetapi, itulah yang menjadi peneman mereka sekeluarga jika ada waktu terluang. Televisyen itulah juga yang menjadikan Mun fasih berbahasa Inggeris.

Aku terjaga dari tidur apabila terdengar kokokan ayam jantan yang terasa dekat di telinga. Dalam teraba-raba aku bingkas bangun menuju ke dapur.

"Ha, Naili. Mai duduk bersarapan sekali. Depa ni pakat nak pi sekolah. Tu yang sarapan awai" Kata emak Mun dengan loghat Kedah yang pekat. Aku yang terpisat-pisat membetulkan tuala yang berselubung di kepala, cuma tersengih.

"Tak apa mak cik. Naili nak ambil wuduk, nak solat subuh dulu." Kataku. Mun dah bersedia dengan kandil berisi minyak tanah di tangan untuk menemaniku ke perigi berdekatan rumah.

Sebaik sahaja bersolat, kulihat emak Mun bersiap-siap untuk keluar. Di tangan kanannya terdapat sebuah baldi berisi jala dan di kiri pula menjinjing joran buloh yang sederhana panjang.

"Mak cik nak ke mana tu?" Soalku.

"Oh, makcik nak pi mengail sat. Sambil cari ulam apa yang patut. Hang nak ikut mai la." Kata emak Mun. Aku teruja. Seronok juga tengok emak Mun mengail ikan. Boleh aku tumpang sekali.

Aku terkesima melihat Mun mahir menebarkan jala di pinggir tali air. Emaknya pula kulihat menaiki perahu kecil yang uzur keadaannya sambil menjinjing baldi yang dibawanya tadi. Aku sedikit risau melihat perahu kecil itu teroleng-oleng.

"Mun. Emak kau nak ke mana tu? Tak bahaya ke?" Aku bertanya dengan nada risau.

"Emak aku tiap hari begitu. Kau jangan risau. Dia nak cabut batang teratai" Jawab Mun sambil memasukkan umpan ke mata kail. Umpan yang dibancuh sendiri katanya. Lalu dihulurkan kepadaku untuk dicuba. Aku menyambutnya.

"Mun, batang teratai tu makcik nak buat apa?" Tanyaku lagi. Matakau masih tertumpu padanya yang perlahan-lahan berkayuh ke tengah tali air.

"Dia nak buat masakan paling istimewa untuk kau. Makanan kegemaran aku jugak tu. Asam Pedas Teratai." Aku memandang Mun tidak berkelip.

"Asam Pedas Teratai?" Aku mengulangi soalan itu. Inilah pertama kali aku mendengar teratai boleh dimakan dan dibuat menu Asam Pedas. Mun mengangguk.

"Ya. Seperti yang pernah aku ceritakan, apa saja yang ada di sekeliling kami akan dimanfaatkan sebagai sumber makanan. Ayah sangat berjimat. Maklumlah dia pesawah. Padi adakala menjadi, adakala tidak." Jelas Mun. Aku mendengar dengan tekun.

"Mun, lori pikap semalam tu lori Pa'ie ke?" Tanyaku. Teringat akan Pa'ie yang muda-muda lagi sudah bekerja.

"Taklah. Itu lori tuan punya kedai elektrik. Tempat Pa'ie bekerja. Aku dan Pa'ie dah berjanji, disebabkan perbelanjaan ke universiti tinggi, kami akan bergilir sambung belajar. Aku perlu cepat-cepat tamatkan pengajian supaya selepas ini Pa'ie pula boleh sambung belajar." Jelas Mun bercerita mengenai Pa'ie. Aku terdiam seketika. Walaupun usia Mun dan Pa'ie masih muda, namun banyak pengorbanan yang diharungi oleh mereka demi kelangsungan hidup. Namun begitu, Mun tidak pernah menunjukkan kesusahannya. Sekarang baru kutahu, kerana janjinya pada Pa'ie untuk bergilir belajar jugalah dia tidak mahu menjadi guru. Tidak mahu berjauhan dengan keluarga. Ada tanggungjawab yang lebih besar menanti di sini.

"Mun, kenapa kauambil kesusasteraan Inggeris kalau tak berhajat menjadi guru?" Soalan ini sudah inginku tanya sedari dulu. Tetapi tidak terluah.

"Sebenarnya bukan bahasa Inggeris sahaja yang aku suka. Hajat hati hendak memahami lebih dari dua bahasa. Aku sudah pernah belajar di sekolah aliran Arab. Sekarang mencuba kelas elektif bahasa Perancis pula". Jelas Mun. Sungguh aku terpesona dengan kegigihannya.

Joran yang kupegang, tiba-tiba disentak sesuatu. Aku menjerit kesukaan. Mun membantu aku, terdapat seekor ikan Sepat sedang bergelut melepaskan diri dari mata kail. Joran ditarik dan Mun mengajarku bagaimana melepaskan mata kail dari bahagian mulut ikan supaya tidak mencederakannya. Besar juga ikan Sepat yang kudapat. Banyak ilmu kupelajari sepanjang duduk di kampung Mun.

Tengah hari itu, kami dihidangkan dengan masakan kampung yang cukup istimewa. Seperti yang diberitahu Mun, emaknya masakkan Asam Pedas Teratai. Bau